



# LAPORAN PERANGKAAAN SUKU TAHUNAN

**SUKU TAHUN PERTAMA  
(JANUARI-MAC)**

# 2011



**JABATAN PERUMAHAN NEGARA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**



## ISI KANDUNGAN

<b>Isi Kandungan .....</b>	<b>i</b>
<b>1. Pelesenan Dan Penguatkuasaan</b>	
A. Pelesenan Perumahan Swasta .....	<b>1</b>
B. Penguatkuasaan .....	<b>9</b>
<b>2. Pengurusan Projek Perumahan Bermasalah</b>	
A. Pemantauan Projek Perumahan Swasta.....	<b>12</b>
B. Pengurusan Projek Perumahan Terbengkalai.....	<b>15</b>
<b>3. Bahagian Skim Pinjaman Perumahan (SPP) .....</b>	<b>17</b>
<b>4. Program Perumahan Rakyat.....</b>	<b>23</b>
<b>5. Pengurusan Setinggal.....</b>	<b>27</b>
<b>6. Pengurusan Bangunan Dan Harta Bersama .....</b>	<b>28</b>
<b>7. Pengurusan Aduan Oleh JPN .....</b>	<b>29</b>

## PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN

### A. PELESENAN PERUMAHAN SWASTA

#### I. PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN

##### PRESTASI KESELURUHAN

Pada suku pertama 2011, sejumlah 392 lesen pemajuan perumahan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) kepada pemaju-pemaju perumahan. Ia merangkumi lesen baru sebanyak 312 lesen (79.60%) dan pembaharuan lesen sebanyak 80 lesen (20.40%).

Pengeluaran lesen pemajuan perumahan pada suku pertama 2011 telah meningkat sebanyak 56 lesen (16.70%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya (perbandingan antara suku pertama 2010 dengan suku pertama 2011 [YoY]). Peningkatan ini dicatatkan bagi lesen baru iaitu 68 lesen (27.87%) manakala pembaharuan lesen telah mencatatkan penurunan sebanyak 12 lesen (13.04%).

Bagi perbandingan secara suku tahunan (perbandingan antara suku pertama 2011 dengan suku keempat 2010 [QoQ]), pengeluaran lesen pemajuan perumahan telah menurun sebanyak 43.11%. Penurunan ini dicatatkan bagi pembaharuan lesen iaitu 314 lesen (79.70%) manakala lesen baru telah mencatatkan peningkatan sebanyak 17 lesen (5.76%).

#### JADUAL 1 :

#### PRESTASI PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN PADA SUKU PERTAMA 2011

PENGELUARAN	BILANGAN	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN ( YoY )	SUKU TAHUN (QoQ)
<b>LESEN</b>	<b>392</b>	<b>16.7</b>	<b>(43.11)</b>
BARU	312	27.87	5.76
PEMBAHARUAN	80	(13.04)	(79.70)


**PRESTASI PELESENAN MENGIKUT NEGERI**

Pembinaan projek perumahan bagi suku pertama 2011 adalah tertumpu di negeri Selangor, Johor dan Perak yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi. Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai bilangan projek perumahan berlesen yang tertinggi iaitu sebanyak 112 projek (28.57%) serta mencatatkan bilangan projek yang tertinggi dalam lesen baru (89 projek) dan pembaharuan lesen (23 projek). Ini diikuti oleh negeri Johor yang mencatatkan bilangan lesen pemajuan perumahan sebanyak 65 projek (16.58%) yang merangkumi lesen baru (48 projek) dan pembaharuan lesen (17 projek). Namun demikian, Wilayah Persekutuan Putrajaya hanya mencatatkan satu projek yang memperoleh lesen baru dan tiada projek perumahan yang mendapat pembaharuan lesen pada suku pertama 2011.

**JADUAL 2 :  
BILANGAN PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN MENGIKUT NEGERI PADA  
SUKU PERTAMA 2011**

<b>NEGERI</b>	<b>BARU</b>	<b>PEMBAHARUAN</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>SELANGOR</b>	89	23	<b>112</b>
<b>JOHOR</b>	48	17	<b>65</b>
<b>PERAK</b>	37	11	<b>48</b>
<b>KEDAH</b>	22	6	<b>28</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	21	7	<b>28</b>
<b>PAHANG</b>	22	3	<b>25</b>
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	18	3	<b>21</b>
<b>PULAU PINANG</b>	20	1	<b>21</b>
<b>MELAKA</b>	14	5	<b>19</b>
<b>KELANTAN</b>	10	1	<b>11</b>
<b>TERENGGANU</b>	6	3	<b>9</b>
<b>PERLIS</b>	4	0	<b>4</b>
<b>W.P.PUTRAJAYA</b>	1	0	<b>1</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>312</b>	<b>80</b>	<b>392</b>

**GRAF 1 :**  
**BILANGAN PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN MENGIKUT NEGERI PADA SUKU PERTAMA 2011**



**II. PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN**

**PRESTASI KESELURUHAN**

Pada suku pertama 2011, sejumlah 644 permit iklan dan jualan pemaju perumahan telah dikeluarkan oleh JPN yang merangkumi permit iklan dan jualan baru sebanyak 289 permit (44.88%) dan pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 355 permit (55.24%).

Pengeluaran permit iklan dan jualan pada suku pertama 2011 telah meningkat sebanyak 48 permit (8.05%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan kelulusan permit iklan dan jualan baru sebanyak 58 permit (25.11%). Namun begitu, terdapat penurunan dicatatkan dalam pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 10 permit (2.74%).

Bagi perbandingan suku tahunan, pengeluaran permit iklan dan jualan telah menurun sebanyak 62 permit (6.53%). Kedua-dua jenis permit iklan dan jualan masing-masing mempamerkan penurunan sebanyak 2.03% (permit iklan dan jualan baru) dan sebanyak 9.90% (pembaharuan permit iklan dan jualan).

**JADUAL 3 :**  
**PRESTASI PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN PADA SUKU PERTAMA 2011**

PENGELUARAN	BILANGAN	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN ( YoY )	SUKU TAHUN (QoQ)
<b>PERMIT DAN IKLAN JUALAN</b>	<b>644</b>	<b>8.05</b>	<b>(6.53)</b>
BARU	289	25.11	(2.03)
PEMBAHARUAN	355	(2.74)	(9.90)

### **PRESTASI PERMIT IKLAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI**

Bagi suku pertama 2011, kebanyakan permit iklan dan jualan dikeluarkan kepada pemaju yang melaksanakan projek perumahan di negeri Selangor, Johor dan Perak.


Negeri Selangor mencatatkan bilangan projek perumahan yang mendapat permit iklan dan jualan tertinggi iaitu sebanyak 193 projek (29.97%) serta mencatatkan bilangan projek yang tertinggi dalam permit iklan dan jualan baru 86 projek serta pembaharuan permit 107 projek. Ini diikuti oleh negeri Johor yang mencatatkan bilangan permit iklan dan jualan projek perumahan sebanyak 100 projek (15.53%) yang merangkumi permit iklan dan jualan baru sebanyak 40 projek dan pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 60 projek.

Namun begitu, tiada permohonan pembaharuan permit iklan dan jualan diterima daripada pemaju yang melaksanakan pemajuan perumahan di negeri Perlis dan Wilayah Persekutuan Putrajaya pada suku pertama 2011. Selain itu, projek perumahan di Wilayah Persekutuan Putrajaya hanya memperolehi satu permit iklan dan jualan baru dari Januari sehingga Mac 2011.

**JADUAL 4 :**  
**BILANGAN PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI PADA SUKU PERTAMA 2011**

NEGERI	BARU	PEMBAHARUAN	JUMLAH
SELANGOR	86	107	193
JOHOR	40	60	100
PERAK	39	42	81
NEGERI SEMBILAN	21	32	53
KEDAH	20	26	46
PAHANG	20	23	43
PULAU PINANG	15	21	36
MELAKA	16	19	35
W.P. KUALA LUMPUR	14	12	26
TERENGGANU	7	8	15
KELANTAN	6	5	11
PERLIS	4	0	4
W.P. PUTRAJAYA	1	0	1
<b>JUMLAH</b>	<b>289</b>	<b>355</b>	<b>644</b>

**GRAF 2 :**  
**BILANGAN PENGELUARAN PERMIT DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI PADA SUKU PERTAMA 2011**





**III. UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN**

**PRESTASI KESELURUHAN**

Pada suku pertama 2011, sebanyak 33,002 unit rumah telah diluluskan untuk pembinaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 454 unit (1.38%) adalah rumah kos rendah, 1,663 unit (5.04%) adalah rumah kos sederhana dan 30,885 unit (93.58%) adalah rumah kos bebas.

Bilangan unit rumah yang diluluskan telah meningkat sebanyak 7,931 unit (31.63%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini berlaku dalam kategori rumah kos bebas sebanyak 9,064 unit (41.54%).

Bagi perbandingan suku tahun yang sebelumnya, unit rumah yang telah diluluskan mencatatkan penurunan sebanyak 57,075 unit (63.36%).

**JADUAL 5 :**

**PRESTASI UNIT YANG DILULUSKAN UNTUK PEMBINAAN PADA SUKU PERTAMA 2011**

KATEGORI HARGA RUMAH	BILANGAN UNIT	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN ( YoY )	SUKU TAHUN (QoQ)
<b>SEMUA KATEGORI</b>	<b>33,002</b>	<b>31.63</b>	<b>(63.36)</b>
KOS RENDAH	454	(61.94)	(88.23)
KOS SEDERHANA	1,663	(19.15)	(73.91)
KOS BEBAS	30,885	41.54	(62.03)

Daripada jumlah unit rumah yang diluluskan pada suku pertama 2011, negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai bilangan unit rumah yang diluluskan paling tinggi iaitu sebanyak 12,077 unit (36.59%). Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 4,524 unit (13.71%) manakala kelulusan unit rumah di Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah paling rendah iaitu sebanyak 42 unit (0.13%).

**PRESTASI UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN MENGIKUT KATEGORI HARGA**

Bagi rumah kos rendah, negeri Pulau Pinang merupakan penyumbang utama kepada bilangan unit rumah kos rendah yang diluluskan iaitu sebanyak 216 unit (47.58%). Ini diikuti oleh

Negeri Sembilan sebanyak 185 unit (40.75%). Walau bagaimanapun, tiada unit rumah kos rendah yang diluluskan untuk pembinaan di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perlis, Kelantan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Bagi rumah kos sederhana, negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai bilangan kelulusan unit rumah tertinggi iaitu sebanyak 1,113 unit (66.93%). Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 302 unit(18.16%). Selain itu, tiada unit rumah kos sederhana diluluskan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Pulau Pinang, Kedah, Melaka, Perlis dan Kelantan.

Semua pemaju perumahan berlesen di Semenanjung Malaysia memperolehi kelulusan pembinaan rumah kos bebas pada suku pertama 2011. Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai paling banyak kelulusan pembinaan rumah kos bebas dengan unit rumah sebanyak 10,964 unit (35.50%). Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 4,524 unit (14.65%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya hanya terdapat 42 unit rumah diluluskan pada suku pertama 2011.

**JADUAL 6 :**  
**BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN MENGIKUT NEGERI PADA SUKU PERTAMA 2011**

NEGERI	KOS RENDAH	KOS SEDERHANA	KOS BEBAS	SEMUA JENIS
<b>SELANGOR</b>	0	1,113	10,964	<b>12,077</b>
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	0	0	4,524	<b>4,524</b>
<b>JOHOR</b>	25	302	4,168	<b>4,495</b>
<b>PERAK</b>	0	87	2,271	<b>2,358</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	185	0	1,943	<b>2,128</b>
<b>PULAU PINANG</b>	216	0	1,747	<b>1,963</b>
<b>KEDAH</b>	0	0	1,770	<b>1,770</b>
<b>MELAKA</b>	0	0	1,444	<b>1,444</b>
<b>PAHANG</b>	28	77	1,146	<b>1,251</b>
<b>TERENGGANU</b>	0	67	461	<b>528</b>
<b>KELANTAN</b>	0	17	331	<b>348</b>
<b>PERLIS</b>	0	0	74	<b>74</b>
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	0	42	<b>42</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>454</b>	<b>1,663</b>	<b>30,885</b>	<b>33,002</b>

**B. PENGUATKUASAAN**

**I. KOMPAUN**

**PRESTASI KESELURUHAN**

Bagi suku pertama 2011, sebanyak 603 notis kompaun yang melibatkan 596 pemaju telah dikeluarkan oleh JPN bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

Jumlah kompaun pada suku pertama 2011 telah meningkat sebanyak 465 notis (336.96%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Bilangan pemaju yang dikenakan kompaun dan jumlah kutipan kompaun turut meningkat iaitu sebanyak 482 pemaju (432.80%) dan RM 628,900 (90.36%).

Bagi perbandingan suku tahunan, pengeluaran notis kompaun dan bilangan pemaju dikompaun telah meningkat 243 notis (67.50%) dan 259 pemaju (76.85%). Kutipan kompaun juga mempamerkan peningkatan sebanyak RM 432,800 ataupun 48.51%.

**JADUAL 7 :  
STATISTIK KOMPAUN PADA SUKU PERTAMA 2011**

PERKARA	JUMLAH	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN ( YoY )	SUKU TAHUN (QoQ)
NOTIS KOMPAUN	603	336.96	67.50
PEMAJU DIKOMPAUN	596	432.8	76.85
KUTIPAN KOMPAUN	RM 1,324,900.00	90.36	48.51


**JADUAL 8 :**  
**STATISTIK KOMPAUN MENGIKUT BULAN BAGI SUKU PERTAMA 2011**

BULAN	KESALAHAN		BILANGAN PEMAJU DIKOMPAN	JUMLAH KUTIPAN ( RM )
	AKTA	PERATURAN		
JANUARI	308	2	310	585,000.00
FEBRUARI	201	7	207	216,000.00
MAC	66	19	79	523,900.00
<b>JUMLAH</b>	<b>575</b>	<b>28</b>	<b>596</b>	<b>1,324,900.00</b>

**PRESTASI KOMPAUN MENGIKUT JENIS KESALAHAN**

Kegagalan mengemukakan Laporan Audit ( Seksyen 7 (e) ) merupakan kesalahan paling banyak dikenakan kompaun iaitu sebanyak 536 notis (88.89%). Ini diikuti oleh kesalahan gagal mengemukakan Laporan Kemajuan Projek (Seksyen 7 (f)) sebanyak 39 notis (6.47%) dan Kesalahan Iklan dan Penjualan Peraturan 6 (1) sebanyak 28 notis (4.64%).

**GRAF 3 :**  
**JENIS KESALAHAN YANG DIKENAKAN KOMPAUN PADA SUKU PERTAMA 2011**



## II. PENDAKWAAN

### PRESTASI KESELURUHAN

Bagi suku pertama 2011, sebanyak 130 kes yang melanggar peruntukan di bawah Akta 118 dan Peraturan-Peraturan berkaitan telah didaftarkan di mahkamah untuk didakwa. Sebanyak 8 kes telah diselesaikan dan baki 122 kes masih berjalan di mahkamah.

#### JADUAL 9 :

#### STATISTIK PENDAKWAAN DARI JANUARI HINGGA MAC 2011

BULAN	JUMLAH KES BARU YANG DIDAFTARKAN DI MAHKAMAH	JUMLAH KES MASIH BERJALAN DI MAHKAMAH	JUMLAH SELESAI
JANUARI	30	22	4
FEBRUARI	30	30	4
MAC	70	70	0
<b>JUMLAH</b>	<b>130</b>	<b>122</b>	<b>8</b>

## III. SENARAI HITAM

Sehingga suku pertama 2011, sebanyak 1,404 orang pemaju serta 5,237 orang Ahli Lembaga Pengarah telah disenarai hitamkan.

## **PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN BERMASALAH**

### **A. PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA**

#### **I. PROJEK LANCAR**

Bagi suku pertama 2011, terdapat 2,993 projek berjalan lancar di Semenanjung Malaysia melibatkan 407,776 unit rumah dan 223,187 pembeli.

Daripada jumlah tersebut, negeri Selangor mempunyai bilangan Projek Lancar yang paling tinggi iaitu sebanyak 24.29% ataupun 727 projek yang melibatkan 92,013 unit rumah dan 55,186 pembeli. Ini diikuti oleh negeri Perak sebanyak 18.44% ataupun 552 projek yang melibatkan 77,750 unit rumah dan 45,028 pembeli.

**JADUAL 10 :**

**STATISTIK PROJEK LANCAR MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2011**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN PROJEK</b>	<b>BILANGAN UNIT RUMAH</b>	<b>BILANGAN PEMBELI</b>
<b>JOHOR</b>	358	80,010	55,541
<b>KEDAH</b>	225	17,427	4,503
<b>KELANTAN</b>	79	1,976	962
<b>MELAKA</b>	80	5,633	3,126
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	187	52,771	16,853
<b>PAHANG</b>	228	16,812	7,372
<b>PERAK</b>	552	77,750	45,028
<b>PERLIS</b>	23	761	384
<b>PULAU PINANG</b>	285	17,914	6,387
<b>SELANGOR</b>	727	92,013	55,186
<b>TERENGGANU</b>	79	3,271	1,493
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	170	41,438	26,352
<b>JUMLAH</b>	<b>2,993</b>	<b>407,776</b>	<b>223,187</b>

**II. PROJEK LEWAT**

Bagi suku pertama 2011, bilangan Projek Lewat adalah sebanyak 37 projek yang melibatkan sebanyak 4,569 unit rumah dan 2,883 pembeli.

Bilangan Projek Lewat yang tertinggi dicatatkan di negeri Selangor iaitu sebanyak 13 projek (35.14%) dan diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 7 projek (18.92%). Selain itu, tiada Projek Lewat dilaporkan di negeri Pahang, Perak, Perlis dan Terengganu.

**JADUAL 11 :**

**STATISTIK PROJEK LEWAT MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2011**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN PROJEK</b>	<b>BILANGAN UNIT RUMAH</b>	<b>BILANGAN PEMBELI</b>
<b>JOHOR</b>	5	135	27
<b>KEDAH</b>	2	51	23
<b>KELANTAN</b>	2	507	331
<b>MELAKA</b>	2	81	29
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	3	333	112
<b>PAHANG</b>	0	0	0
<b>PERAK</b>	0	0	0
<b>PERLIS</b>	0	0	0
<b>PULAU PINANG</b>	3	195	108
<b>SELANGOR</b>	13	1,275	1,023
<b>TERENGGANU</b>	0	0	0
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	7	1,992	1,230
<b>JUMLAH</b>	<b>37</b>	<b>4,569</b>	<b>2,883</b>

**III. PROJEK SAKIT**

Bagi suku pertama 2011, bilangan Projek Sakit adalah sebanyak 230 projek yang melibatkan sebanyak 38,165 unit rumah dan 25,827 pembeli.

Bilangan Projek Sakit yang tertinggi dicatatkan di negeri Selangor iaitu sebanyak 88 projek (38.26%) dan diikuti oleh negeri Johor dengan 30 projek (13.04%).

**JADUAL 12 :**

**STATISTIK PROJEK SAKIT MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2011**

NEGERI	PROJEK SAKIT		
	BIL. PROJEK	UNIT RUMAH	BIL. PEMBELI
SELANGOR	88	20,037	13,782
JOHOR	30	5,369	3,648
KELANTAN	21	1,158	912
TERENGGANU	15	706	529
KEDAH	14	1,560	1,074
W.P. KUALA LUMPUR	13	2,554	1,658
MELAKA	11	1,251	1,001
PULAU PINANG	11	2,096	1,333
PAHANG	9	1,261	890
NEGERI SEMBILAN	8	692	357
PERAK	8	1,413	605
PERLIS	2	68	38
<b>JUMLAH</b>	<b>230</b>	<b>38,165</b>	<b>25,827</b>



**B. PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI**

**I. STATUS PROJEK TERBENGKALAI**

Sehingga 31 Mac 2011, terdapat 111 projek perumahan terbengkalai yang melibatkan 39,816 unit rumah dan 26,733 pembeli. Daripada 111 projek tersebut, sebanyak 21 projek (18.92%) telah dikeluarkan daripada senarai terbengkalai selepas berjaya dipulihkan atau diselesaikan. Di samping itu, sebanyak 56 projek (50.45%) sedang dalam proses pemulihan dan sebanyak 34 projek (30.63%) sedang di peringkat awal perancangan pemulihan.

Bagi perbandingan suku tahunan, jumlah projek perumahan terbengkalai telah menurun sebanyak 50 projek (31.05%). Dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh JPN, bilangan projek yang telah diselesaikan dan dikeluarkan daripada senarai terbengkalai telah meningkat sebanyak 21 projek (58.82%) berbanding dengan suku keempat tahun sebelumnya. Selain itu, bilangan projek dalam peringkat awal perancangan pemulihan dan bilangan projek yang sedang dalam proses pemulihan masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 16 projek (32.0%) dan 4 projek (6.67%).


**JADUAL 13 :**

**STATUS PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI PADA SUKU PERTAMA 2011**

STATUS	BILANGAN PROJEK	% PERUBAHAN SUKU TAHUN (QoQ)
PERANCANGAN AWAL	34	(32.00)
SEDANG DIPULIHKAN	56	(6.67)
DIKELUARKAN DARI SENARAI	21	58.82
<b>JUMLAH</b>	<b>111</b>	<b>(31.05)</b>

**GRAF 4 :**

**STATUS PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI PADA SUKU PERTAMA 2011**



**PROJEK TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI**

Negeri Selangor mencatatkan bilangan projek perumahan terbengkalai paling tinggi iaitu sebanyak 38 projek (20,335 unit rumah dan 15,052 pembeli) dan diikuti oleh negeri Johor iaitu sebanyak 17 projek (7,840 unit rumah dan 3,695 pembeli). Selain itu, negeri yang tidak mencatatkan sebarang projek perumahan terbengkalai adalah negeri Perlis.

**JADUAL 14 :**

**STATISTIK PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2011**

NEGERI	PROJEK TERBENGKALAI		
	BIL. PROJEK	BIL. UNIT RUMAH	BIL. PEMBELI
SELANGOR	38	20,335	15,052
JOHOR	17	7,840	3,695
NEGERI SEMBILAN	16	2,542	1,847
PULAU PINANG	8	3,298	2,338
PAHANG	7	1,754	1,064
PERAK	7	1,090	673
KEDAH	7	669	549
W.P. KUALA LUMPUR	4	1,442	914
KELANTAN	4	569	404
MELAKA	2	256	178
TERENGGANU	1	21	19
PERLIS	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>111</b>	<b>39,816</b>	<b>26,733</b>

**BAHAGIAN SKIM PINJAMAN PERUMAHAN ( SPP )**

**I. SKIM PINJAMAN PERUMAHAN**

**PERMOHONAN**

Pada suku pertama 2011, sebanyak 31 permohonan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) telah diterima dan sebanyak 18 permohonan pinjaman SPP telah diluluskan. Ia merangkumi permohonan yang diterima dan diproses pada bulan Disember 2010. Bagi perbandingan dengan suku tahun yang sama tahun sebelumnya dan suku keempat 2010, jumlah permohonan mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak 3 permohonan (10.71%) dan 21 permohonan (72.22%). Namun begitu, kelulusan pinjaman SPP mencatatkan penurunan iaitu sebanyak 12 permohonan (40.00%) dan 6 permohonan (25.00%) berbanding dengan suku pertama 2011 dan suku keempat 2010.

**JADUAL 15 :**  
**STATISTIK PERMOHONAN PADA SUKU PERTAMA 2011**

JENIS	BILANGAN	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN ( YoY )	SUKU TAHUN (QoQ)
PERMOHONAN	31	10.71	72.22
KELULUSAN	18	(40.00)	(25.00)

**JADUAL 16 :**  
**STATISTIK PERMOHONAN DARI JANUARI SEHINGGA 31 MAC 2011**

BULAN	BIL PERMOHONAN	BIL KELULUSAN	JUMLAH PINJAMAN ( RM )
JANUARI	3	12	296,206.60
FEBRUARI	16	3	73,239.20
MAC	12	3	74,848.20
<b>JUMLAH</b>	<b>31</b>	<b>18</b>	<b>444,294.00</b>

**STATUS KEWANGAN**

Sehingga 31 Mac 2011, baki bersih peruntukan tabung adalah berjumlah RM11,635,035.55. Bayaran yang telah dikeluarkan kepada peminjam adalah sebanyak RM 86,512,762.49 dan baki bayaran yang akan dikeluarkan berjumlah RM3,754,814.39. Selain itu, jumlah penerimaan bayaran daripada peminjam adalah sebanyak RM46,997,913.01.

**JADUAL 17 :**

**STATUS KEWANGAN SPP DARI TAHUN 1976 HINGGA 31 MAC 2011**

BUTIRAN	RM
PERUNTUKAN TABUNG	70,000,000.00
TERIMAAN BAYARAN BALIK PINJAMAN	46,997,913.01
<b>BAYARAN</b>	
PINJAMAN YANG TELAH DIBAYAR KEPADA PEMINJAM	86,512,762.49
PINJAMAN YANG AKAN DIBAYAR ( TANGGUNGAN )	3,754,814.39
<b>BAKI BERSIH</b>	<b>11,635,035.55</b>

**KUTIPAN BAYARAN BALIK**

Dari segi pengutipan bayaran balik pinjaman SPP, sejumlah RM 1,409,987.52 telah diterima daripada 2,592 peminjam pada suku pertama 2011. Jumlah kutipan balik telah mencatatkan peningkatan sebanyak 55.05% dan menurun sebanyak 23.28 % berbanding dengan suku tahun yang sama pada tahun 2011 dan suku keempat 2010.

**TUNGGAKAN BAYARAN**

Jumlah tunggakan bayaran menurun RM 1,966,553.31 (19.98%) daripada RM 9,840,999.15 kepada RM 7,874,445.84 berbanding suku yang sama tahun 2010. Bagi perbandingan suku tahunan, jumlah tunggakan berkurang RM 991,091.34 (11.18%).

**JADUAL 18 :**

**STATISTIK KUTIPAN DAN TUNGGAKAN SPP PADA SUKU PERTAMA 2011**

PERKARA	RM	% PERUBAHAN	
		TAHUNAN ( YoY )	SUKU TAHUN (QoQ)
KUTIPAN	1,409,987.52	55.05	(23.28)
TUNGGAKAN	7,874,445.84	(19.98 )	(11.18)

**JADUAL 19 :**


**KUTIPAN BAYARAN BALIK PINJAMAN ( SPP ) SEHINGGA 31 MAC 2011**

BULAN	KUTIPAN ( RM )	BIL. PEMINJAM
JANUARI	322,841.44	635
FEBRUARI	298,543.76	806
MAC	788,602.32	1,151
<b>JUMLAH</b>	<b>1,409,987.52</b>	<b>2,592</b>

**JADUAL 20 :**  
**TUNGGAKAN SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2011**

NEGERI	JUMLAH TUNGGAKAN ( RM )	BILANGAN PEMINJAM
KELANTAN	3,043,077.96	924
KEDAH	2,314,733.52	632
PERAK	1,388,076.72	354
TERENGGANU	357,187.29	82
JOHOR	352,055.67	98
PAHANG	205,583.10	62
NEGERI SEMBILAN	69,423.59	17
SELANGOR	54,340.63	14
MELAKA	39,017.89	11
PERLIS	38,872.82	11
W.P.KUALA LUMPUR	9,586.05	1
PULAU PINANG	2,490.60	1
<b>JUMLAH</b>	<b>7,874,445.84</b>	<b>2,207</b>

**GRAF 5 :**  
**TUNGGAKAN BAYARAN SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2011**



**RUMAH YANG SIAP DIBINA**

Pada suku pertama 2011, sebanyak 15 unit rumah telah siap dibina oleh peminjam SPP. Sehingga 31 Mac 2011, bilangan unit rumah yang dibina oleh peminjam SPP adalah sebanyak 7,799 unit. Daripada jumlah tersebut, 6,344 unit (81.34%) rumah peminjam telah siap dibina manakala bakinya 1,455 unit(18.66%) masih dalam pelbagai peringkat pembinaan.

**JADUAL 21 :**

**STATUS PEMBINAAN RUMAH DIBAWAH SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2011**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN PEMOHONAN DILULUSKAN ( KELULUSAN BERSIH )</b>	<b>UNIT SIAP DIBINA</b>	<b>UNIT DALAM PEMBINAAN</b>
<b>JOHOR</b>	314	252	62
<b>KEDAH</b>	1,598	1,462	136
<b>KELANTAN</b>	3,271	2,342	929
<b>MELAKA</b>	79	67	12
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	78	76	2
<b>PAHANG</b>	327	267	60
<b>PERAK</b>	1,082	971	111
<b>PERLIS</b>	96	88	8
<b>PULAU PINANG</b>	5	5	0
<b>SELANGOR</b>	320	288	32
<b>TERENGGANU</b>	616	514	102
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	13	12	1
<b>JUMLAH</b>	<b>7,799</b>	<b>6,344</b>	<b>1,455</b>

**II. SKIM PINJAMAN PERUMAHAN RAKYAT NEGERI TERENGGANU (SPPRNT)**

**PERMOHONAN**

Pada suku pertama 2011, sebanyak 5 permohonan Skim Pinjaman Perumahan Rakyat Negeri Terengganu (SPPRNT) telah diterima. Namun begitu, hanya satu yang mendapat kelulusan pinjaman SPPRNT. Sehingga 31 Mac 2011, sebanyak 11 permohonan masih dalam proses kelulusan.

**JADUAL 22 :  
STATISTIK PERMOHONAN SPPRNT BAGI SUKU PERTAMA 2011**

PERKARA	JUMLAH
BILANGAN PERMOHONAN DITERIMA	5
BILANGAN PERMOHONAN DITOLAK	2
BILANGAN PERMOHONAN DALAM PROSES	11
BILANGAN PERMOHONAN DIBATAL	0
BILANGAN PERMOHONAN DILULUSKAN	1

**KEDUDUKAN KEWANGAN**

Sehingga 31 Mac 2011, baki bersih peruntukan tabung adalah berjumlah RM 3,573,413.22. Bayaran yang telah dikeluarkan kepada peminjam adalah sebanyak RM 13,683,503.85 dan bayaran yang akan dikeluarkan berjumlah RM 280,501.40. Selain itu, jumlah penerimaan bayaran daripada peminjam sebanyak RM 5,300,352.23.

**JADUAL 23 :  
STATUS KEWANGAN SPPRNT DIBAWAH DANA KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN  
SEHINGGA 31 MAC 2011**

BUTIRAN	RM
PERUNTUKAN ASAL TABUNG	20,000,000.00
TERIMAAN BAYARAN BALIK PINJAMAN	5,300,352.23
<b>BAYARAN</b>	
PINJAMAN YANG TELAH DIBAYAR KEPADA PEMINJAM	13,683,503.85
PINJAMAN YANG AKAN DIBAYAR ( TANGGUNGAN )	280,501.40
<b>BAKI BERSIH</b>	<b>3,573,413.22</b>



**PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT( PPR )**

**I. PRESTASI KESELURUHAN**

Sehingga 31 Mac 2011, JPN telah melaksanakan 121 projek PPR (84,278 unit) yang meliputi 91 projek (77,546 unit) PPR Disewa dan 30 projek (6,732 unit) PPR Dimiliki.

Bagi PPR Disewa, sebanyak 61 projek yang mengandungi 60,136 unit telah siap dibina, manakala 27 projek (16,160 unit) sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan. Bagi PPR Dimiliki pula, sebanyak 21 projek (3,030 unit) telah pun siap dengan kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO), manakala 5 projek (522 unit) sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan.

**JADUAL 24 :**

**STATUS PELAKSANAAN PPRKESELURUHAN SEHINGGA 31 MAC 2011**

PROGRAM	JUMLAH PROJEK		JUMLAH PROJEK SIAP		JUMLAH PROJEK DALAM PEMBINAAN	
	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit
<b>PPR DISEWA</b>	<b>91</b>	<b>77,546</b>	<b>61</b>	<b>60,136</b>	<b>27</b>	<b>16,160</b>
I) PPR DISEWA BERSEPADU	53	53,348	49	49,768	4	3,580
II) PPR DISEWA DASAR BARU	34	22,948	12	10,368	19	11,330
III) PPR DISEWA DASAR BARU RMK-10	4	1,250	-	-	4	1,250
<b>PPR DIMILIKI (PAHANG)</b>	<b>30</b>	<b>6,732</b>	<b>21</b>	<b>3,030</b>	<b>5</b>	<b>522</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>121</b>	<b>84,278</b>	<b>82</b>	<b>63,166</b>	<b>32</b>	<b>16,682</b>

**II. STATUS PENGISIAN PPR DISEWA**

Bagi PPR Disewa, sebanyak 55,864 unit telah siap dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk pengisian sehingga 31 Mac 2011. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 49,408 unit (88.44%) telah disewakan berbanding 49,194 unit pada 31 Disember 2010 iaitu dengan peningkatan sebanyak 214 unit (0.44%). Baki unit yang belum disewakan adalah sebanyak 6,456 unit (11.56%). Secara keseluruhan, di antara negeri yang mempunyai banyak kekosongan unit adalah negeri Sabah 2,450 unit (37.95%), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1,801 unit (27.90%) dan negeri Johor 1,197 unit (18.54%).

**JADUAL 25 :**

**STATUS PENGISIAN PPR DISEWA MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2011**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN ( UNIT )</b>	<b>JUMLAH DIISI ( UNIT )</b>	<b>BELUM DIISI ( UNIT )</b>
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	28,970	27,169	1,801
<b>SABAH</b>	11,031	8,581	2,450
<b>JOHOR</b>	6,628	5,431	1,197
<b>SELANGOR</b>	3,304	2,594	710
<b>KEDAH</b>	1,894	1,799	95
<b>PERLIS</b>	1,228	1,102	126
<b>SARAWAK</b>	1,016	1,016	0
<b>PULAU PINANG</b>	698	678	20
<b>PERAK</b>	675	648	27
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	420	390	30
<b>JUMLAH</b>	<b>55,864</b>	<b>49,408</b>	<b>6,456</b>

**III. KEDUDUKAN TABUNG AMANAH PPR DIMILIKI**

Sehingga 31 Mac 2011, baki bersih peruntukan tabung adalah berjumlah RM 208,577,676.86. Bayaran yang telah dibuat kepada kontraktor adalah sebanyak RM 161,601,783.50 dan bayaran yang akan dibayar berjumlah RM 619,185.14. Selain itu, jumlah penerimaan bayaran pembelian rumah PPR Dimiliki adalah sebanyak RM 67,455,015.34.

**JADUAL 26 :**

**STATUS KEWANGAN BAGI TABUNG AMANAH PPR DIMILIKI HINGGA 31 MAC 2011**

BUTIRAN	RM
PERUNTUKAN TABUNG	747,000,000.00
TERIMAAN BAYARAN BALIK PINJAMAN	67,455,015.34
<b>BAYARAN</b>	
PINJAMAN YANG TELAH DIBAYAR KEPADA PEMINJAM	161,601,783.50
PINJAMAN YANG AKAN DIBAYAR (TANGGUNGAN)	619,185.14
<b>BAKI BERSIH</b>	<b>208,577,676.86</b>

**IV. STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI**

Sehingga 31 Mac 2011, sebanyak 3,030 unit telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk dijual. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,914 unit (96.17%) telah dijual dan diserahkan kunci kepada pembeli, sementara baki sebanyak 116 unit adalah masih kosong dan dalam proses penjualan.

**JADUAL 27 :**  
**STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI SEHINGGA 31 MAC 2011**

BIL.	PROJEK PPR (M)	UNIT	BIL. UNIT DIJUAL	BIL. UNIT KOSONG
	<b>PROJEK SIAP</b>			
	<b>Daerah Rompin</b>			
1	Muadzam Shah	150	148	2
2	Parit Raja	150	150	0
	<b>Daerah Lipis</b>			
3	Kerambit	100	100	0
4	Padang Tengku	100	100	0
	<b>Daerah Maran</b>			
5	Jengka	300	300	0
	<b>Daerah Bera</b>			
6	Bukit Mendi	150	150	0
	<b>Daerah Raub</b>			
7	Batu 17, Tersang	150	142	8
8	Tanjung Putus	100	100	0
	<b>Daerah Temerloh</b>			
9	Bolok Hilir	150	150	0
10	Pamah Kaseh	150	150	0
	<b>Daerah Pekan</b>			
11	Tg. Agas	150	150	0
12	Paloh Hinai	150	146	4
13	Kuala Pahang	318	318	0
14	Tg. Selangor Fasa I	100	100	0
15	Tg. Selangor Fasa II	62	57	5
16	Tg .Batu	150	135	15
	<b>Daerah Kuantan</b>			
17	Kg. Hijrah	150	150	0
18	Kg. Baru Gambang	150	150	0
	<b>PROJEK SIAP TANPA CFO</b>			
	<b>Daerah Jerantut</b>			
19	Ibol Tunggal	100	100	0
	<b>Daerah Rompin</b>			
20	Leban Chondong	100	52	48
	<b>Daerah Temerloh</b>			
21	Paya Sok	100	26	34
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3,030</b>	<b>2,914</b>	<b>116</b>

## **PENGURUSAN SETINGGAN**

Sehingga 31 Mac 2011, bilangan keluarga setingga yang masih belum diselesaikan adalah sebanyak 86,307 keluarga. Berbanding dengan 31 Disember 2010, bilangan keluarga setingga telah menurun sebanyak 1,762 keluarga (1.78%).

Negeri Sabah merupakan negeri yang mempunyai paling ramai setingga iaitu 37,965 keluarga (43.98%). Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 10,428 keluarga (12.08%), manakala negeri Melaka hanya mempunyai 29 keluarga setingga (0.03%) dan merupakan negeri yang mempunyai bilangan keluarga setingga yang paling rendah.

**JADUAL 28 :**  
**STATISTIK SETINGGAN SEHINGGA 31 MAC 2011**

<b>NEGERI</b>	<b>BIL. KELUARGA</b>	<b>BIL. AHLI KELUARGA</b>	<b>BIL. BANGUNAN</b>
<b>SABAH</b>	37,965	140,499	25,016
<b>JOHOR</b>	10,428	#	10,428
<b>SARAWAK</b>	8,783	35,233	7,972
<b>PERAK</b>	8,132	32,528	8,132
<b>PULAU PINANG</b>	4,516	13,480	1,425
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	3,364	16,820	5,739
<b>SELANGOR</b>	3,299	TM	4,073
<b>KEDAH</b>	3,015	15,070	3,015
<b>PERLIS</b>	2,207	8,971	2,207
<b>KELANTAN</b>	1,439	5,948	1,415
<b>PAHANG</b>	1,133	4411	934
<b>W.P. LABUAN</b>	969	5,521	969
<b>TERENGGANU</b>	682	2,206	613
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	346	585	239
<b>MELAKA</b>	29	99	29
<b>JUMLAH</b>	<b>86,307</b>	<b>*</b>	<b>72,206</b>

**NOTA : #** - Jumlah bilangan ahli keluarga tidak dapat diperoleh kerana bancian yang dibuat bagi daerah Johor Bharu sahaja tanpa mengambil maklumat bilangan ahli keluarga.

**TM** - Tiada Maklumat

**\*** - Jumlah bilangan ahli keluarga tidak dapat diperoleh kerana negeri Johor dan negeri Selangor tiada maklumat

**PENGURUSAN BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA**

Sehingga 31 Disember 2010, bilangan kawasan pemajuan iaitu tanah hak milik muktamad yang dicadangkan untuk pecah bahagi kepada unit dibina atau sedang dalam pembinaan adalah sebanyak 13,023.

Sejumlah 4,221 aduan telah diterima oleh unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi seluruh Semenanjung Malaysia bagi suku pertama 2011. Daripada jumlah aduan yang diterima, aduan mengenai Khidmat Nasihat merupakan yang utama yang diterima iaitu sebanyak 1,190 aduan (28.19%), diikuti oleh aduan berkaitan Pentadbiran dan Pengurusan yang mencatatkan jumlah aduan sebanyak 843 aduan (19.97%). Bilangan aduan mengenai Penguatkuasaan COB merupakan aduan yang terendah diterima iaitu 128 aduan (3.03%).

Negeri Selangor mencatatkan bilangan aduan tertinggi iaitu sebanyak 1,665 aduan (39.45%) dan diikuti oleh Wilayah Persekutuan sebanyak 1,067 aduan (25.28%).

**JADUAL 29 :**  
**STATISTIK ADUAN YANG DITERIMA OLEH COB DI PBT MENGIKUT NEGERI DAN JENIS BAGI SUKU PERTAMA 2011**

NEGERI	JENIS ADUAN								JUMLAH ADUAN
	Khidmat Nasihat	Pentadbiran dan Pengurusan	Penyenggaraan dan Kerosakan	Isu Kewangan	Mesyuarat dan Pemilihan	Lain - Lain	Penguatkuasaan COB		
<b>SELANGOR</b>	692	152	300	262	87	140	32	<b>1,665</b>	
<b>WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	249	206	79	110	179	176	68	<b>1,067</b>	
<b>PULAU PINANG</b>	34	303	121	160	129	3	8	<b>758</b>	
<b>JOHOR</b>	61	131	80	27	34	4	7	<b>344</b>	
<b>MELAKA</b>	97	9	12	7	6	11	5	<b>147</b>	
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	25	18	21	30	3	3	1	<b>101</b>	
<b>PAHANG</b>	16	12	16	12	17	3	7	<b>83</b>	
<b>PERAK</b>	8	6	7	3	2	1	0	<b>27</b>	
<b>TERENGGANU</b>	2	6	3	0	1	0	0	<b>12</b>	
<b>KEDAH</b>	5	0	1	2	2	1	0	<b>11</b>	
<b>KELANTAN</b>	1	0	1	0	2	2	0	<b>6</b>	
<b>PERLIS</b>	0	0	0	0	0	0	0	<b>0</b>	
<b>JUMLAH</b>	<b>1,190</b>	<b>843</b>	<b>641</b>	<b>613</b>	<b>462</b>	<b>344</b>	<b>128</b>	<b>4,221</b>	

**PENGURUSAN ADUAN OLEH JPN**

Sehingga 31 Mac 2011, sebanyak 787 aduan berkaitan perumahan telah diterima oleh JPN dari pelbagai sumber. Sebanyak 733 aduan (93.14%) telah diselesaikan dan bakinya masih dalam tindakan. Kebanyakan aduan yang masih dalam tindakan adalah aduan dalam kategori teknikal dan rumit untuk diselesaikan.

Saluran aduan yang paling banyak digunakan oleh pengadu adalah melalui surat/faks iaitu sebanyak 254 aduan (32.27%). Ini diikuti melalui telefon sebanyak 145 aduan (18.42%). Saluran aduan yang paling kurang digunakan oleh pengadu adalah melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) iaitu sebanyak 1 aduan (0.13%).

**JADUAL 30 :  
BILANGAN ADUAN DITERIMA DAN DISELESAIKAN OLEH JPN BAGI SUKU PERTAMA 2011**

TINDAKAN	JUMLAH ADUAN
TERIMA	787
DALAM TINDAKAN	54
% DALAM TINDAKAN	6.86%
SELESAI	733
% SELESAI	93.14%

**GRAF 6 :  
SUMBER ADUAN DARI JANUARI HINGGA 31 MAC 2011**

